

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS  
TANGAU [TUARAN]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa kadar serta angka sebenar kemiskinan di setiap negeri dan khusus untuk Sabah, apakah langkah-langkah untuk mengatasi masalah pengangguran.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

**Tuan Yang Dipertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran di Sabah pada tahun 2019 adalah 5.8 peratus iaitu 74,600 orang lelaki (64%) dan 42,500 orang perempuan (36%). Ksan daripada pandemik Covid-19, ekonomi negara termasuklah Sabah telah terjejas teruk mengakibatkan banyak majikan yang terjejas dari segi pendapatan syarikat mereka. Bagi memastikan pekerja tidak kehilangan pekerjaan dan pencari kerja berpeluang mendapat pekerjaan, Kerajaan telah menyediakan sejumlah peruntukan melalui Pelan Jana Semula Ekonomi

Negara (PENJANA) untuk melaksanakan beberapa skim bagi menangani isu-isu berkaitan pengangguran, penempatan pekerjaan dan latihan.

2. Program Pengekalan Pekerjaan dan Program Subsidi Upah 1.0 di bawah insentif PENJANA merupakan bantuan kewangan yang dibayar kepada majikan setiap perusahaan bagi setiap pekerja tempatan yang bergaji RM4,000 dan ke bawah dalam tempoh 6 bulan bermula April 2020. Peruntukan sebanyak RM15.3 billion telah disediakan bagi program tersebut melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Selain itu, Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Latihan "*upskilling dan reskilling*" yang dijalankan oleh PERKESO dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF) yang masing-masing bernilai RM 1.5 billion dan RM500 juta merupakan insentif yang diberikan kepada majikan yang mengambil pekerja dan penganggur untuk meningkatkan kemahiran mereka dengan kerjasama Agensi Pekerjaan Swasta dalam tempoh 6 bulan.

3. Antara program yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga Kerja Sabah untuk membantu rakyat adalah dengan mengadakan Program Karnival Kerjaya dan temuduga terbuka 'norma baharu' di setiap daerah di negeri Sabah. Ini adalah untuk memastikan pencari kerja di seluruh negeri Sabah tetap mendapat peluang mencari pekerjaan melalui pendekatan ini. Setakat 31 Oktober 2020, seramai 5,469 orang pekerja telah ditempatkan. Walaupun kadar pengangguran telah meningkat di seluruh dunia akibat Pandemik Covid-19, Kerajaan telah mewujudkan inisiatif program-program ini bagi memastikan rakyat Malaysia termasuklah di Sabah terus terbela dan terjaga.

**Tuan Yang Dipertua,**

4. Bermula 1 November 2020, bagi memantapkan lagi aktiviti perkhidmatan pekerjaan dapat diberikan kepada seluruh rakyat, Kerajaan telah menggunakan Portal *MYFutureJob* sebagai Portal Perkhidmatan Pekerjaan Negara yang baru.

Sekian, terima kasih.